

Perbandingan Pengurusan Zakat di Kabupaten Bengkalis dan Lembaga Zakat Selangor

Ahmad Nuryani, Muhammad Al Mansur, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Email: ahmadnuryanifb@yahoo.com; nikrahim@ukm.edu.my

Abstrak – Zakat is one of the fundamental elements of Islam to increase the economic in the country. Since Indonesia become an independent country, the management of zakat has established, but lack of the implementation of zakat. The government of Indonesia establishes many institutions of zakat in every provinces and regencies. Embodiment of institution of zakat in Regency of Bengkalis based on constitution number 38 1999 about management of zakat in Regency of Bengkalis. The problems are the management of zakat still un-optimal condition, so that, lack of awaranness of people to fulfill payment of zakat. Management quality of Zakat Institution in Selangor keeps increasing every year, so as, the people can makes payment of zakat directly to the institution. Thus, this study is conducted to compare the management of zakat in Regent of Bengkalis and Province of Selangor. The data analysis and interview shows the management of Zakat in Bengkalis keeps decreasing due to the quality of management is still under repair, meanwhile, the management of Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) keeps increase in Zakat distribution to the recipients.

Key words: Management of Zakat, comparative study in Zakat, Majlis Agama Islam Selangor.

Abstrak – Zakat merupakan rukun Islam yang terpenting untuk meningkatkan ekonomi di sebuah Negara. Sejak Indonesia menjadi negara merdeka, pengurusan zakat telah dibuat, namun dari segi keberkesanannya masih belum optimal, maka Pemerintah Pusat melakukan perubahan dengan cara menubuhkan Lembaga-Lembaga zakat di tingkat Propinsi dan Kabupaten. Penubuhan Lembaga Zakat di tingkat Kabupaten dibuat sejak ditubuhkan peraturan tentang pengurusan zakat di Kabupaten pada tahun 1999 no 38. Permasalahannya, pengurusan zakat yang ada di Kabupaten Bengkalis belum berjalan dengan baik, sehingga menjejaskan tahap ketidakpedulian masyarakat dalam membayar zakat. Ini berbeza daripada Lembaga Zakat Selangor di mana setiap tahunnya sering berlaku peningkatan kualiti dalam pengurusan zakat, sehingga masyarakat mampu membayar zakat secara langsung ke Lembaga tersebut. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk menjelaskan tentang perbandingan pengurusan zakat di Kabupaten Bengkalis dan pengurusan zakat di Lembaga Zakat Selangor. Kajian ini dibuat dengan menggunakan metode analisis data dan interview. Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap pengurusan di Kabupaten Bengkalis masih belum efisien sementara tahap pengurusan Zakat di Lembaga Selangor lebih efisien.

Key words: Manajemen Zakat, Studi banding manajemen zakat, Majlis Agama Islam Selangor.

I. Pendahuluan

Penubuhan Badan Zakat Daerah di Kabupaten Bengkalis merupakan salah satu sistem yang tujuannya untuk menanggulangi kemiskinan. Badan Zakat Daerah di Kabupaten Bengkalis telah terbentuk setelah keluarnya peraturan no 39 tahun 1999 tentang pelaksanaan pengurusan dana zakat di Kabupaten Bengkalis. Dibentuknya Badan Amil Zakat Peringkat Daerah untuk membantu pemerintah dalam memerangi kemiskinan dapat diwujudkan melalui Badan Amil Zakat Daerah. Sementara Selangor merupakan negeri yang telah terbukti pengurusan zakatnya berkembang lebih baik dari semasa kesemasa. Sehingga dalam setiap tahunnya dana zakat yang terkumpul terus meningkat.

Jumari (2014) sebagai pengarah Kementerian Agama (Kemenag) Kabupaten Bengkalis menerangkan bahawa majoriti penduduk Kabupaten Bengkalis beragama Islam. Namun kesedaran dalam membayar zakat masih tergolong rendah berbanding Kabupaten lain yang berada di Riau¹. data statistik yang ada menunjukkan bahawasanya pengurusan zakat di Kabupaten Bengkalis masih belum mampu secara optimal berbanding tempat lain. Dari data statistik laporan tentang jumlah dan zakat yang terkumpul pada tahun 2012 adalah RP 395.175.268 sementara pada tahun 2013 dana zakat yang terkumpul sebesar RP 380.061.847. (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Bengkalis 2013) Dari hasil data yang diperolehi melalui laporan tahunan zakat di Badan Amil Zakat Kabupaten Bengkalis masih dikatakan rendah berbanding dengan Kabupaten yang lainnya seperti di Kabupaten Siak dana zakat yang terkumpul pada tahun 2013 sebesar Rp 6,213,020,994 sementara pada tahun 2014 dana zakat yang terkumpul sebesar Rp 8,769,782.607. (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Zakat Siak 2014).

Data yang didapat dari BAZ Bengkalis menunjukkan banyak kendala dalam pengurusan zakat, seperti kesedaran akan hukum juga sistem yang diguna pakai tidak mampu untuk menarik masyarakat untuk membayarkan zakatnya. Disamping itu juga kendala yang dihadapi ketidakpercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat yang ada di Indonesia menjadi pemicu bagi masyarakat akan kesedaran untuk menunaikan zakat.

Berbeza dengan daerah Hulu Langat Selangor Malaysia yang menunjukkan bahawa pengurusan di Lembaga Zakat Selangor lebih tinggi. Menurut data statistik 2013 jumlah kutipan yang didapati sebesar RM 8,376,088 sementara jumlah kutipan yang terkumpul pada tahun 2014 sebesar RM 8,450,980. Lembaga-lembaga zakat di Malaysia di bawah pentadbiran MAIS memiliki wibawa serta otoriti yang tegas. Di samping itu juga didapati adanya sistem pengurusan dengan menggunakan metod dari Jepun seperti konsep amalan 5S (sisih, sapu, susun, seragam, senantiasa amal) yang menjadi lebih efektif. Kesedaran masyarakat untuk menunaikan kewajiban tersebut semakin tinggi. Disamping itu juga pengurusan zakat yang ada di Selangor tidak ada campur tangan kerajaan, dan hubungan antara MAIS dengan Pusat Zakat Selangor adalah bersifat koordinatif kerana Pusat Zakat Selangor merupakan anak syarikat MAIS. Sementara dalam usaha pelantikan Amil zakat seratus peratus adalah wewenang Pusat Zakat Selangor (Kamaruddin Abdullah: 2005).

Selain itu juga banyak kajian di dapati tentang pengurusan zakat di Indonesia, namun begitu, Indonesia yang memiliki banyak pulau dan budaya sehingga permasalahan yang timbul juga berbeza. Pengurusan zakat struktur yang digunakan sangat panjang mulai dari pusathingga ke Kabupaten dan lebih banyak diserahkan kepada lembaga swasta. Setiap lembaga memiliki banyak pandangan namun begitu ia tidak dapat dilaksanakan secara efektif oleh lembaga swasta yang lain. Disisi lain setiap lembaga yang ada tidak menjalin kerja sama dengan lembaga yang lainnya, sehingga masing-masing lembaga berjalan dengan beda visi dan misi (Asep Saepudin Jahar: 2010).

Berbeza dengan lembaga-lembaga zakat di Malaysia di bawah pentadbiran MAIS yang memiliki wibawa serta otoriti yang tegas. Di samping itu juga didapati adanya sistem pengurusan dengan menggunakan metod dari Jepun seperti konsep amalan 5S (sisih, sapu, susun, seragam, senantiasa amal) yang menjadi lebih efektif. Kesedaran masyarakat untuk menunaikan kewajiban tersebut semakin tinggi. Disamping itu juga pengurusan zakat yang ada di Selangor tidak ada campur tangan kerajaan, dan hubungan antara MAIS dengan Pusat Zakat Selangor adalah bersifat koordinatif kerana Pusat Zakat Selangor merupakan anak syarikat MAIS. Sementara dalam usaha pelantikan Amil zakat seratus peratus adalah wewenang Pusat Zakat Selangor (Kamaruddin Abdullah: 2005).

Sistem organisasi yang diterapkan oleh Badan Amil Zakat di Indonesia semuanya tertakluk kepada pusat, dan ini merupakan organisasi besar. Kerana ada beberapa tingkatan pengurusan zakat di mulai dari Pemerintah, BAZNAS, BAZDA. Peran pemerintah di sini adalah mengatur perjalanan sistem pengurusan, melayani dan mendukung upaya pengelolaan dana zakat kepada masyarakat. Sedangkan BAZNAS merupakan sebuah lembaga yang berada di bawah Pemerintah, iaitu Badan Zakat Nasional yang bertugas menyalurkan informasi-informasi yang besumber dari Pemerintah Pusat, ia beroperasi di kawasan Propinsi, sementara BAZDA atau Badan Zakat Daerah sebuah organisasi yang dibuat oleh Pemerintah Pusat, ia beroperasi di kawasan daerah sahaja. Keadaan ini mengakibatkan informasi-informasi yang di keluarkan oleh pusat sering kali tidak sampai kepada Lembaga-Lembaga Propinsi juga Daerah, hal ini juga yang mendorong masing-masing organisasi melaksakan tugasnya dengan mandiri. (Kamaruddin Abdullah: 2005).

¹ Riau merupakan salah satu propinsi yang ada di Indonesia terletak di Sumatra.

Sementara Lembaga Amil Zakat Selangor dalam hal organisasi, ia lebih cenderung mengambil bentuk organisasi kecil atau organisasi komuniti terhad. Dimana jalur komunikasi yang dibangun oleh organisasi tersebut antara pengurus dengan *ahluzzakat* tidak terlalu panjang, sehingga informasi-informasi yang diberikan tidak putus (Safwan Idris: 1997).

Daripada pernyataan masalah di atas, terdapat beberapa persoalan yang menjadi asas kajian ini, iaitu: Bagaimanakah sistem organisasi pengurusan Badan Zakat di Kabupaten Bengkulu dan Selangor serta bagaimana usaha yang dilakukan BAZ di kabupaten Bengkulu dan BAZ di hulu Langat dalam usaha langkah naik taraf institusi zakat mereka kepada masyarakat dan apakah cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua lembaga tersebut?.

Adapun objek kajian ini adalah untuk Mengkaji bagaimana sistem organisasi pengurusan Badan Zakat di Kabupaten Bengkulu dan Lembaga Zakat Selangor serta menganalisis usaha kedua-dua lembaga zakat di Bengkulu dan Selangor dalam usaha naik taraf institusi zakat mereka kepada masyarakat dan Menerangkan cabaran-cabaran yang dihadapi antara kedua-dua lembaga tersebut dalam menjalankan pengurusan di Lembaga Zakat tersebut. Pengkaji akan menjalankan kajian yang bersifat kualitatif dengan dua kaedah, pertama kaedah kepustakaan dan kedua proses pengumpulan data melalui temubual. Melalui perbandingan ini, maka didapati perbezaan-perbezaan yang positif yang boleh menjadi contoh serta menjadi penambah baik terhadap Badan Amil Zakat Bengkulu.

II. Pengurusan Zakat di Badan Amil Zakat BENGKALIS

Pengertian zakat dari segi bahasa berkaitan makna dengan pensucian, pertumbuhan, keberkatan dan pujian. Allah s.w.t telah menjelaskan dalam al-Quran:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

Ertinya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (At-Taubah 9: 103)

Pengertian zakat dalam istilah syara' adalah kewajiban atas seseorang akan harta yang telah ditentukan yang akan diberikan kepada kumpulan yang telah ditentukan pada waktu yang ditentukan dengan mengharap ridha Allah s.w.t dan pembersihan diri, harta dan masyarakat (Muhammad Toyyar: 1993).

Pengertian zakat dalam istilah syara' yang adalah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu, kemudian wajib diberikan kepada orang-orang tertentu dengan syarat-syarat tertentu (Zulkifli Mohamad Al-Bakri: 2010).

"الزكاة" menurut bahasa adalah berkembang, sedangkan menurut syariat adalah kewajiban yang terdapat pada harta khusus untuk diberikan kepada golongan yang khusus pula. (al-Maliki & al-Nuri: 2011).

2. 1. Sejarah Lahir Pengurusan Zakat di Badan Amil Zakat Bengkulu

Pengurusan zakat di Kabupaten Bengkulu berdiri setelah berlakunya undang-undang no 38 tahun 1999 tentang pengelolaan zakat, maka mulailah dibentuknya pengelolaan Badan Amil Zakat di Kabupaten Bengkulu oleh pemerintah yang disebut Badan Zakat (BAZ) dan lembaga yang didirikan oleh masyarakat itu disebut Lembaga Amil Zakat (LAZ) (Lili Bariadi: 2005).

Badan Zakat yang ditubuhkan oleh pemerintah yang memiliki struktur dari pusat hingga ke Kabupaten. Sementara Badan Zakat ditingkat pusat disebut dengan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS). BAZNAS berdiri berdasarkan surat keputusan Presiden Republik Indonesia nomor 8 tahun 2001 tanggal 17 Januari. Sedangkan Badan Zakat tingkat propinsi dikenal dengan sebutan Badan Amil Zakat Daerah. Lembaga ini dibuat disetiap propinsi di Indonesia. Maka untuk mengoptimalkan sistem kerja Badan Zakat tersebut, dibentuklah Badan Zakat tingkat Kabupaten. Biasanya bekerja BAZ hanya sampai Kabupaten atau Kotamadya, jarang yang memiliki jaringan hingga kecamatan. Namun, struktur BAZ dapat sampai ke kecamatan yang dinamakan BAZ kecamatan.

Menurut Jumari (2014) sebagai pengarah Kementerian Agama (Kemenag) Kabupaten Bengkulu bahawa majoriti penduduknya beragama Islam. Namun kesadaran dalam membayar zakat masih tergolong rendah berbanding Kabupaten lain yang berada di Riau². data statistik yang ada menunjukkan bahawasanya pengurusan zakat di Kabupaten Bengkulu masih belum mampu secara optimal berbanding tempat lain. Data yang didapati dari BAZ Bengkulu menunjukkan banyak kendala dalam pengurusan zakat, di samping kesedaran akan hukum juga sistem yang diguna

² Riau merupakan salah satu propinsi yang ada di Indonesia terletak di Sumatera.

pakai tidak mampu untuk menarik masyarakat untuk membayarkan zakatnya. Ketidakpercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat yang ada di Indonesia menjadi pemicu bagi masyarakat akan kesadaran untuk menunaikan zakat.

2. 2. Sistem Organisasi Pengurusan

Sistem organisasi pengurusan zakat yang dibuat Badan Amil Zakat di Kabupaten Bengkalis merupakan sistem yang menerapkan prinsip-prinsip koordinasi³ dan integrasi⁴ sesuai dengan tugas pokok masing-masing. Sistem organisasi dalam pengurusan zakat ini bertujuan untuk menciptakan satu lembaga yang mampu menjunjung tinggi sistem kerja yang berlandaskan iman dan ketaqwaan. Serta membantu pemerintah Kabupaten Bengkalis untuk menanggulangi kemiskinan dan peningkatan kesehatan masyarakat.

Selain itu setiap lembaga zakat yang dibuat oleh Pemerintah tersebut tidak menjalin kerja sama secara langsung dengan lembaga zakat yang lainnya baik diperingkat negeri mahupun daerah, sehingga masing-masing lembaga berjalan dengan beda visi dan misi (Asep Saepudin Jahar: 2010).

Struktur Organisasi Badan Zakat di Kabupaten Bengkalis pada masing-masing peringkat adalah sebagai berikut: (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah: 2015)

a. Badan Pelaksana

Ketua	: H. M. Nurnawawi, SH
Wakil ketua	: Drs. H. Khambariyaldi
	: H. Amir Faisal, SE. MP
Sekretaris	: Drs. Abdul Hamid
Wakil sekretaris	: H. Ismail, S.Ag
	: Taufik Akmal, S.HI
Bendahara	: Syamsul, SE
	: Sufrizal

b. Bidang Pendistribusian atau Pendayagunaan :

Ketua	: Drs. H. Ariyanto, MP
Sekretaris	: Awaluddin, M. PdI
Anggota	: Hambali, S.Hi
	: Dra. Hj. Salma

Adapun tugas dari bidang pendistribusian atau pendayagunaan ini adalah

1. Menyempurnakan pembuatan peta mustahik yang ada dalam Kabupaten Bengkalis
2. Menyalurkan hasil zakat yang diterima sesuai dengan ketentuan Al-Qur'an baik secara produktif maupun konsumtif kepada asnafnya yang delapan
3. Memberi permodalan pada fakir miskin sesuai dengan keahliannya
4. Memberikan beasiswa kepada pelajar/mahasiswa yang sangat memerlukan untuk kelangsungan pendidikannya
5. Memberikan biaya pengobatan/perawatan bagi kaum dhuafa
6. Membuat laporan pendistribusian dan pendayagunaan zakat kepada badan pelaksana/secretariat. (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah: 2015)

c. Bidang Pengumpulan

Ketua	: Drs. H. Nawawi Naim
Sekretaris	: Nadia Faiqa, SE
Anggota	: Arwani, Sag
	: Dra. Hj. Razmah Alwi
	: H. Nasrun H, Spd. MA
	: Endang Rahmawati, S.Ag
	: Drs. H. Ali Adnan

Bidang pengumpulan mempunyai tugas dan wewenang sebagai berikut

1. Menyempurnakan pembuatan peta muzakki yang ada dalam kabupaten bengkalis.
2. Melanjutkan dan mengaktifkan unit pengumpulan zakat (UPZ) pada dinas/instansi/jawatan/badan usaha/koperasi perusahaan, sekolah dan kantor-kantor yang ada di kabupaten bengkalis.
3. Mengangkat petugas khusus untuk menghubungi para muzakki dengan mempedomani peta muzakki guna untuk memberi penjelasan dan pengumpulan zakat infak dan shadaqah.
4. Mengumpulkan zakat infak dan shadaqah di tingkat kabupaten bengkalis sebagaimana terlampir.

³ perihal mengatur suatu organisasi atau kegiatan sehingga peraturan dan tindakan yang akan dilaksanakan tidak saling bertentangan.

⁴ pembauran hingga menjadi kesatuan yang utuh atau bulat.

5. Melaporkan dan menyetorkan semua dana yang terkumpul pada sekretariat/bendahara. (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah: 2015)

d. Bidang Pengembangan

Ketua	: H. Sapuani Muhajir, S.Ag
Sekretaris	: H. Syarifuddin, SH, MA
Anggota	: Drs. Zakaria Bakar, MH
	: Drs. Jumali
	: H. Yahman, S.Ag
	: Baharuddin Ashuri, Shi

Bidang pengembangan mempunyai tugas dan wewenang sebagai berikut:

1. Mengadakan penelitian tentang pelaksanaan Badan Amil Zakat ditingkat Kecamatan Kabupaten Bengkalis.
2. Menyelenggarakan pengkajian Hukum terhadap aktifitas Badan Amil Zakat khususnya dalam usaha peningkatan operasi Zakat Fitrah, Maal, antara lain pengkajian hukum, Zakat Perusahaan/Koperasi, Zakat Pegawai Negeri /swasta profesi dan sebagainya (Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah: 2015).

Sementara semua pembiayaan yang digunakan dalam pentadbiran, pengurusan dan sebagainya itu bergantung kepada Pemerintah Pusat yang ada pada masa itu.

2. 3. Usaha dan Langkah Naik Taraf yang Dilakukan Oleh Badan Amil Zakat Bengkalis.

2. 3. 1. Membentuk Unit Pengumpul Zakat di Setiap Institusi

Dalam usaha menaikkan taraf pengurusan di Badan Amil Zakat Bengkalis, BAZ melaksanakan program pembentukan Unit Pengumpul Zakat dimasing-masing institusi, jadi UPZ diberi tanggungjawab untuk mengumpulkan zakat dari *Muzakki* yang bekerja di institusi tersebut. Kemudian UPZ akan menyerahkan dana zakat kepada Badan Amil Zakat. Program ini dibuat untuk memudahkan kerja Badan Amil Zakat dalam pengurusan wang kutipan zakat bisa dilaksanakan disetiap daerah yang berada di Kabupaten Bengkalis. Jadi para pekerja disebuah institusi yang berada dibawah Daerah Kabupaten Bengkalis gaji yang diperoleh dalam setiap tahunnya akan dipotong langsung oleh UPZ. Kemudian wang tersebut langsung diberikan kepada Badan Amil Zakat Bengkalis.

2. 3. 2. Membentuk Program Berkunjung di Desa-Desa

Badan Zakat Kabupaten Bengkalis telah melakukan beberapa usaha untuk menaiktarafkan dalam pengurusan Badan Zakat iaitu dengan membentuk program berkunjung di Desa-desa. Program berkunjung ini dilakukan oleh Ketua Badan Zakat dengan rombongannya. Biasanya program ini dilakukan pada bulan Ramadan sahaja. Adapun program kerja yang dibuat antaranya:

1. Mengadakan ceramah di Surau - surau dengan tema yang berkenaan dengan kewajiban membayar zakat.
2. Mengadakan seminar tentang zakat, dengan menghadirkan pengusaha-pengusaha dan orang-orang kaya yang ada di daerah tersebut.

2. 4. Cabaran yang Dihadapi Oleh Badan Amil Zakat Bengkalis

Adapun cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh Badan Amil Zakat Bengkalis adalah sebagai berikut:

2. 4. 1. Tidak Ada Dukungan Dari Pemerintah

Dukungan pemerintah terhadap zakat belum terealisasi dengan baik, hal ini dibuktikan dengan belum adanya regulasi hukum mengenai zakat berupa Peraturan Daerah. PERDA ini tentang pengelolaan ZIS sebagai landasan berpijak dalam mekanisme pemungutan dan penyaluran serta pemberdayaan ZIS sampai ke sanksi bagi yang tidak membayar zakat. Ketua BAZDA Bapak Nurnawawi mengatakan meskipun sudah berkali-kali mengusulkan hal ini kepada pemerintah, namun belum juga ada regulasi hukum yang disahkan atau dikeluarkan, sehingga BAZDA Kabupaten Bengkalis tidak mempunyai daya paksa untuk mengambil harta zakat orang-orang kaya (Wawancara Pribadi Dengan Bapak Nurnawawi Selaku *Ketua BAZDA Kabupaten Bengkalis* di Kantor BAZDA, Hari Jumat 4 maret 2016).

2. 4. 2. Kesadaran Masyarakat

Faktor lain yang menjadi penghambat pengembangan potensi zakat adalah minimnya kesadaran masyarakat akan kewajiban zakat. Hal ini dijelaskan oleh Bapak ketua BAZDA bahwa sebenarnya sebagian masyarakat sudah paham dan mengerti akan kewajiban zakat tetapi enggan melaksanakannya, dan sebagian masyarakat lagi tidak tau bahwa mereka harus mengeluarkan Zakat Maal (kekayaan) mereka dari berbagai profesi yang ditekuni.

Sebagian besar masyarakat berzakat secara langsung kepada mustahik sehingga tidak bisa terdeteksi berapa besar peredaran zakat Kabupaten Bengkalis (Wawancara Pribadi Dengan Bapak Nurnawawi Selaku *Ketua BAZDA Kabupaten Bengkalis* di Kantor BAZDA, Pada Hari Jumat 4 maret 2016).

2. 4. 3. Keterbatasan Dana ZIS

Keterbatasan dana ZIS di BAZDA ini karena muzakki lebih senang memberikan zakatnya secara langsung kepada musahik tanpa melalui Lembaga Amil Zakat atau Badan Amil Zakat. Padahal jika dana zakat tersebut dikelola dengan manajemen yang baik dan amanah, maka dana zakat dapat menjadi dana usaha yang produktif. (Wawancara Pribadi Dengan Bapak Nurnawawi Selaku *Ketua BAZDA Kabupaten Bengkalis* di Kantor BAZDA, Pada Hari Jumat 4 maret 2016).

2. 4. 4. Adanya Kepentingan Organisasi mahupun Perorangan

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh Badan Amil Zakat adalah adanya kepentingan baik dari organisasi atau lembaga masyarakat mahupun perorangan dalam pengurusan kewangan zakat. Organisasi dalam hal ini melaksanakan program yang dibuat oleh Badan Amil Zakat sementara pihak lainnya dalam pengurusan kewangan zakat, ia terbiasa menerima langsung zakat tersebut dari muzakki dan wang yang telah diterima tidak disetorkan ke organisasi. Keadaan ini yang menjadi cabaran terbesar yang dihadapi oleh Badan Amil Zakat Kabupaten Bengkalis. (Wawancara Pribadi Dengan Bapak Nunawawi Selaku *Ketua BAZDA Kabupaten Bengkalis* di Kantor BAZDA, Pada Hari Jumat 4 maret 2016).

III. Pengurusan Zakat di Lembaga Zakat Selangor

Institusi pengurusan zakat Selangor, merupakan satu penubuhan yang di buat oleh Pusat Zakat Selangor. Ini merupakan satu langkah bijak yang dilakukan bagi meningkatkan kutipan zakat yang ada di Daerah Hulu Langat. Namun dengan tekad dan kesungguhan dalam mengurus lembaga tersebut, maka terbukti bahawa pengurusan zakat yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Cawangan Hulu Langat mampu mewujudkan kegemilangannya. Hal ini terbukti dengan data statistic yang diperolehi setiap tahunnya. Begitu juga jumlah bantuan-bantuan yang diberikan oleh Lembaga Zakat tersebut telah dirasakan oleh masyarakat.

3. 1. Sejarah Lahir Pengurusan Zakat di Lembaga Zakat Selangor

Pentadbiran pengurusan Pusat Zakat Selangor ditubuhkan pada 15hb Februari 1994 dengan diberi nama Syarikat Majelis Agama Islam Selangor (MAIS) Zakat Sdn. Bhd. Dibawah akte 1965. Pusat Pungutan Zakat (MAIS) juga merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Majelis Agama Islam Selangor dengan modal berbayar RM500.00. penubuhan Pusat Zakat Selangor ini bertujuan untuk memperbaiki kaedah pengurusan zakat yang sedia ada kepada sistem yang lebih profesional dan berkesan. (Pusat Zakat Selangor: 2003).

Pada Oktober 1995 Pusat Zakat Selangor telah memulakan operasionalnya di Ibu Pejabat yang terletak di Seksyen 14 Petaling Jaya, dengan di sokong delapan orang kakitangan. Pusat Pungutan Zakat Selangor pada masa ini hanya melaksanakan kutipan sahaja. Proses kutipan zakat tersebut hanya dilakukan oleh golongan yang menetap dan bekerja dinegeri Selangor sahaja. Ketika itu kutipan yang dilakukan terhadap terhadap harta zakat seperti harta perniagaan, zakat pendapatan, zakat emas, zakat perak dan lain-lain tanpa melibatkan zakat fitrah. Zakat fitrah pada masa itu dikendalikan oleh Bahagian Baitulmal. (Pusat Zakat Selangor: 2004).

Setelah mengalami kemajuan yang pesat, Ibu Pejabat PZS ini berpindah ke Seksyen 9 Shah Alam pada pertengahan tahun 1997. Pada tahun ini juga proses kutipan zakat fitrah telah diletakkan dibawah pengurusan PZS, jadi segala urusan yang berkenaan dengan zakat fitrah, pengeluaran resit dan pelantikan amil diuruskan sepenuhnya oleh PZS. Seterusnya pada 1 Januari tahun 1998 secara resmi pengurusan agihan zakat telah diserahkan kepada PZS, setelah mendapatkan kepercayaan penuh dari pihak kerajaan negeri sampai kemuncaknya. Proses ini dilakukan dengan penyerapan Pusat Agihan Zakat Baitulmal MAIS beserta kakitangannya menjadi entity PZS. (En Isa b. Wardi: 2006)

Setelah operasi Pusat Zakat Selangor semakin berkembang, maka PZS tersebut dipindahkan ke pejabat yang lebih besar iaitu di Kompleks MAIS Klang, ini berlaku pada 1 Mei Tahun 2000. Pada masa ini juga PZS berjaya mendapatkan pengiktirafan kualiti MS ISO 9002, ini berlaku setelah empat tahun beroperasi di Klang. Pada Julai 2004 operasi PZS dipindahkan ke lokasi di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam, kerana dinilai tempat tersebut sangat strategik. Disamping itu PZS mendapatkan mandat baru iaitu menguruskan kutipan wakaf khususnya saham wakaf di Negeri Selangor. Pada masa ini juga PZS memiliki kakitangan berjumlah 180 orang dan membuka sebanyak 22 buah kaunter zakat di seluruh Selangor. (Laporan Pengurusan Zakat Selangor: 2006).

Pusat Zakat Selangor telah dinaiktaraf kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 31 Januari 2006. Ketika itu pelancaran telah dilakukan oleh DYMM Sultan Selangor di Masjid Jamek Kg Kanchong Darat, Banting bersempena dengan sambutan Maal Hijrah 1427H peringkat Negeri Selangor. (Wawancara dengan Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa: 2006).

Pelaksanaan menaikan taraf ini merupakan hasil cetusan idea pengerusi MAIS merangkap Pengerusi PZS ketika itu ialah Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa, beliau menginginkan PZS ini menjadi PZS lebih besar dan berkredibiliti dalam menguruskan dana zakat yang semakin meningkat. (Wawancara dengan Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa: 2006).

3. 2. Sistem Organisasi Pengurusan

Sistem dan organisasi yang diterapkan oleh lembaga zakat Selangor cawangan Hulu Langat berdasarkan konsep korporat (swasta). Lembaga zakat ini menjalankan pengurusannya dengan sistem moden dan propesional, sehingga

segala keputusan yang dibuat berdasarkan informasi yang benar. Disamping itu juga dengan sistem pengurusan yang terbuka yang dilakukan oleh lembaga zakat maka tinggi kepercayaan masyarakat kepada lembaga tersebut.

Misi yang dibuat oleh lembaga zakat cawangan Hulu Langat adalah untuk menjadikan lembaga zakat organisasi peneraju kepada kecemerlangan dalam pengurusan zakat. Jadi pengurusan zakat yang tersusun dengan penuh amanah amat diperlukan untuk mewujudkan misi lembaga zakat cawangan Hulu Langat, kerana hal itu merupakan modal terpenting dalam menentukan kejayaan organisasi.

Susunan organisasi pengurusan Lembaga Zakat Selangor adalah sebagai berikut:

- a. Pengurus Besar
- b. Pejabat Pengurus Besar yang terdiri dari:
 1. Bahagian Teknologi
 2. Unit Sumber Manusia
 3. Unit Kualiti
 4. Unit Audit Dalaman
 5. Unit Pembangunan Latihan
- c. Setiausaha
- d. Ketua Jabatan Dakwah dan Pemasaran terdiri dari:
 1. Bahagian Operasi Khas
 2. Bahagian Operasi Utara
 3. Bahagian Perniagaan
 4. Bahagian Majikan
- e. Ketua Jabatan Kewangan dan Perakaunan terdiri dari:
 1. Bahagian Akaun Agihan
 2. Bahagian Akaun Korporat
- f. Ketua Jabatan Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Pelanggan yang terdiri dari:
 1. Bahagian Khidmat Pelanggan
 2. Bahagian Pentadbiran Am
- g. Ketua Jabatan Pembangunan Korporat terdiri dari:
 1. Bahagian Perhubungan Korporat
 2. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- h. Ketua Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat terdiri dari:
 1. Bahagian Pembangunan Masyarakat
 2. Bahagian Agihan
 3. Zon Utara
 4. Zon Selatan
 5. Zon Timur
 6. Zon Barat

Sementara semua pembiayaan yang digunakan dalam pentadbiran, pengurusan dan sebagainya itu bergantung kepada hasil kutipan zakat yang ada pada masa itu. Dan berdasarkan huraian diatas dapat dipahami bahawa struktur organisasi dalam pengurusan zakat di Lembaga Zakat Selangor merupakan sebuah struktur yang ringkas dan tidak berbelit-belit. Dan sistem kutipan yang dilakukan dengan cara membuka kaunter-kaunter zakat di seluruh kawasan Selangor.

3. 3. Usaha dan Langkah Naik Taraf yang Dilakukan Oleh Lembaga Zakat Selangor

Dalam usaha dan langkah naik taraf yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Dakwah dan Bagian Pemasaran memiliki peranan penting, dalam bertindak menyampaikan mesej yang berkenaan dengan zakat melalui pelbagai cara yang efektif kepada masyarakat. Dalam hal ini kedua-dua jabatan tersebut mengadakan aktiviti-aktiviti penting antaranya adalah sebagai berikut:

- a. Taklimat dan ceramah
- b. Membuka kaunter kelompok
- c. Mengadakan temu janji
- d. Penghantaran maklumat zakat
- e. Panggilan talipun oleh kakitangan JDP untuk tujuan pemasaran. (Laporan Pengurusan Zakat Selangor: 2003)

Program-program kerja yang strategi untuk menaiktarafkan Lembaga Zakat Selangor antaranya adalah:

- a. Mengadakan minggu perkhidmatan kaunter.
- b. Mengadakan majelis khas
- c. Operasi fokus niaga
- d. Operasi fokus gaji

- e. Operasi Masjid
- f. Operasi turun padang

Aktiviti-aktiviti promosi yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk meningkatkan operasionalnya adalah:

- a. Menyelenggaraan maklumat pada paparan iklan Billboard.
- b. Promosi bersama ejen-ejen kutipan zakat seperti bank-bank dan pos Malaysia.
- c. Promosi Skwad Kembara Zakat
- d. Promosi zakat secara umum melalui iklan dimedia cetak dan elektronik serta medium-medium seperti kain rentang dan poster.
- f. Mencetak bahan promosi
- g. Menyertai pameran di kilang-kilang, kawasan perniagaan dan juga di pasar raya. (Laporan Pengurusan Zakat Selangor: 2003)

Usaha untuk naik taraf dalam pengurusan zakat, banyak hal yang harus dilakukan untuk memberi kerjasama dengan masyarakat. Lembaga Zakat Selangor telah memberikan usaha dan langkah untuk memudahkan dalam pengurusan zakat dikawasan Hulu Langat. Sehingga usaha untuk mengentaskan kemiskinan bisa terwujud. Dengan demikian Lembaga Zakat Selangor mewujudkan model pungutan zakat kepada masyarakat melalui kaunter-kaunter zakat, ejen-ejen sama ada itu bank ataupun pos dan melalui talian talipon.

Adapun model pungutan zakat yang dibuat adalah sebagai berikut:

- a. Muzakki dapat datang sendiri ke kaunter yang berhampiran.
- b. Muzakki dapat melakukan pembayaran zakat melalui pos (cek/wang pos/kiriman wang/draf bank).

Melalui model ini, dokumen-dokumen bayaran dapat diterima melalui borang yang telah disediakan dalam akhbar, majalah, risalah atau sampul surat yang disediakan melalui surat pemberitahuan atau surat-surat yang dihantar kepada pelanggan.

Dalam memperhatikan pengurusan kaunter pungutan zakat, Lembaga Zakat Selangor berusaha meningkatkan kerja Lembaga tersebut dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang mampu memberi kesan baik terhadap perkhidmatan kaunter tersebut dengan cara mengadakan pemantauan secara rutin setiap bulan.

Adapun kriteria-kriteria yang disemak dalam pemantauan ini antaranya:

1. Kebersihan dan kekemasan kaunter.
2. Mutu layanan petugas-petugas kaunter.
3. Mengenal pasti tahap kepatuhan terhadap prosedur ISO di kaunter.
4. Keselamatan wang.
5. Sistem fail di kaunter.
6. Mengenal pasti tahap pengemaskinian, buku-buku rekod seperti rekod peti besi, buku cek post date, buku rekod resit sementara dan sebagainya.
7. Memberikan pengetahuan tentang Sampul Surat Simpanan Selamat bagi memastikan wang tersebut selamat.
8. Laporan-laporan daripada pengiring yang ke bank dan saksi yang membuka peti besi.
9. Mengadakan mesyuarat dengan Pegawai Perkhidmatan Kaunter pada setiap tiga bulan sekali. (Laporan Pengurusan Zakat Selangor: 2003)

Semua program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor dilakukan dengan cara yang baik, sehingga memudahkan untuk mewujudkan visi dan misi dalam mengembangkan pengurusan zakat. Namun disamping memiliki kegiatan yang dilakukan dengan cara profesional, Lembaga Zakat Selangor mengambil berat tentang sistem prosedur dan aturan yang jelas, pengurusan terbuka, mempunyai program kerja, memiliki jabatan pengagihan, memiliki sistem perakaunan dan pengurusan kewangan, diaudit, publikasi dan harus ada upaya untuk memperbaiki secara terus-menerus (Islahuddin: 2002).

3. 4. Cabaran yang Dihadapi Oleh Lembaga Zakat Selangor

Adapun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Zakat Selangor adalah sebagai berikut:

3. 4. 1. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Cabaran yang dihadapi oleh MAIS dalam pengurusan dan pembangunan manusia antaranya ahli pekerja dalam tingkat sokongan seperti dalam bidang teknologi, kewangan, undang-undang, audit dan sebagainya. Dalam hal ini MAIS masih mengenalpasti kemahiran pekerja bagi melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna dan efisien. Seterusnya kemahiran sumber manusia dalam ilmu akademik, pengisian rohani dalam pelbagai program dan kursus. Hal ini MAIS harus berkorban mengizinkan warga kerjanya untuk melanjutkan pengajian keperingkat lebih tinggi.

3. 4. 2. Pengurusan Kewangan

Seterusnya cabaran yang dihadapi dalam pengurusan kewangan adalah memastikan bagaimana dari segi penyediaan bajet, pengurusan aliran wang tunai, perakaunan dan sebagainya dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Sementara dari segi kutipan cabaran yang dihadapi adalah jumlah kutipan hanya meningkat tinggi pada dua bulan dalam satu tahun, iaitu bulan ramadhan dan bulan disember sahaja. Sementara MAIS berkomitmen supaya jumlah kutipan yang diperolehi dalam setiap bulannya adalah sama, namun fakta yang terjadi jumlah kutipan tersebut hanya meningkat pada bulan-bulan tertentu sahaja.

3. 4. 3. Pemantapan Sistem Teknologi Maklumat

Usaha pemantapan sistem teknologi maklumat adalah pilihan utama setiap organisasi untuk meningkatkan sistem kerja. Hal ini juga yang diinginkan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk mencapai kecemerlangan. Bagi mendapatkan sistem teknologi maklumat yang terbaik dan terkini, sudah pasti memerlukan kos pembiayaan yang tinggi. Hal ini menjadi cabaran bagi LZS dalam pemantapan sistem teknologi maklumat. Disamping itu juga sistem teknologi maklumat terkini ini juga memerlukan tenaga ahli profesional bagi memantau sistem teknologi maklumat terkini. Sudah tentu pengambilan tenaga ahli profesional tersebut akan melibatkan kos dalam jumlah besar.

3. 4. 4. Meningkatkan Kawalan Dalaman

Upaya meningkatkan kawalan dalaman merupakan cabaran yang dihadapi oleh LZS, kerana pihak LZS harus memiliki tenaga ahli yang profesional. Ini merupakan langkah untuk memastikan pengauditan berjalan dengan baik dan terkawal. Proses pengauditan ini perlu dilakukan dengan konsisten sepanjang tahun yang memfokuskan tentang pengurusan kewangan dan LZS iaitu:

- a. Audit pengurusan dan kewangan yang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalaman.
- b. Audit Kualiti dalaman yang dilakukan oleh Pasukan Audit Kualiti.
- c. Audit Kepatuhan yang dilakukan oleh Pasukan SIRIM.
- d. Audit Kewangan yang dilakukan oleh Jabatan Audit Negara dan Audit Luar.
- e. Audit Dalaman MAIS yang dilakukan oleh Pasukan Audit Dalaman MAIS.

3. 4. 5. Memastikan Pengagihan Zakat Dilaksanakan Pada Tahun Semasa

Cabaran yang dihadapi seterusnya adalah pihak LZS memastikan prinsip utama atas belanjawan dipatuhi setiap kutipan zakat semasa mesti dihabisi pada tahun yang sama. LZS melaksanakan belanjawan zakat berasaskan belanjawan berimbang. Namun begitu ia perlu mengambil kira keperluan dana pusingan awal bagi menampung operasi suku pertama tahun berikutnya. Sementara kutipan zakat secara konsisten pada setiap tahunnya didominasi pada bulan disember maka wang zakat yang belum digunakan dicatatkan oleh LZS sendiri.

IV. Hasil Perbandingan Pengurusan Zakat di Kabupaten Bengkalis dan Selangor

Badan Amil Zakat di Kabupaten Bengkalis ditubuhkan sejak diberlakukannya undang-undang no 38 tahun 1999 tentang pengelolaan zakat ditingkat daerah. Sementara Pusat Pengurusan Zakat Selangor ditubuhkan pada 15hb Februari 1994 dengan diberi nama Syarikat Majelis Islam Selangor (MAIS) Zakat Sdn. Bhd. Di bawah akte 1965.

Sistem organisasi Badan Amil Zakat di Bengkalis dibuat oleh pemerintah pusat, organisasi ini bermula dari tingkat propinsi, Kabupaten hingga ke tingkat kecamatan. Dan ini merupakan struktur organisasi yang sangat panjang. Sementara biaya pentadbiran, pengurusan dan sebagainya berasal daripada Pemerintah Pusat. Sedangkan sistem organisasi Lembaga Zakat Selangor bersifat korporat. Dan struktur yang digunakan sangat ringkas tidak berbelit-belit sehingga informasi mudah didapati. Biaya untuk pentadbiran, pengurusan dan sebagainya berasal dari hasil kutipan pada masa itu.

Usaha dan langkah naik taraf yang dilakukan oleh Badan Amil Zakat Bengkalis adalah dengan cara membentuk unit pengumpul zakat di setiap institusi dan membentuk program berkunjung di desa-desa dengan cara membuat ceramah di Musola-Musola dengan tema yang berkenaan dengan zakat dan mengadakan seminar tentang kewajiban zakat dengan mengundang pengusaha-pengusaha dan masyarakat. Sementara usaha untuk menaiktarafkan pengurusan zakat yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor antaranya dengan mengadakan aktiviti-aktiviti penting seperti taklimat dan ceramah, membuka kaunter kelompok, mengadakan temu janji, penghantaran maklumat zakat, panggilan talipon oleh kakitangan untuk tujuan pemasaran. Ada juga program-program kerja strategi antaranya mengadakan minggu perkhidmatan kaunter, mengadakan majelis khas, operasi fokus niaga, operasi fokus gaji, operasi masjid dan operasi turun padang. Lembaga Zakat Selangor juga mengadakan aktiviti-aktiviti promosi dengan cara menyelenggarakan maklumat pada papan iklan, promosi bersama ejen-ejen kutipan zakat seperti bank-bank dan pos Malaysia, promosi skuad kembara zakat, promosi zakat secara umum seperti di media cetak dan elektronik dan menyertai pameran di Kilang-kilang, kawasan perniagaan dan pasar raya.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Badan Amil Zakat di Bengkalis antaranya tidak ada dukungan dari pemerintah dalam meningkatkan sistem pengurusan BAZDA, tidak ada kesadaran masyarakat untuk membayar zakat, dana yang terbatas dan adanya kepentingan organisasi mahupun perorangan. Sementara cabaran-cabaran yang dihadapi

oleh Lembaga Zakat Selangor antaranya kemahiran yang dimiliki oleh warga kerjanya dalam bidang teknologi, kewangan dan lain sebagainya masih kurang sehingga Lembaga tersebut harus mengizinkan warga kerjanya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Serta pengurusan kewangan yang tidak stabil dari setiap bulannya, kurangnya kos untuk pemantapan sistem teknologi maklumat, kurangnya tenaga ahli profesional untuk kawalan dalaman dan belum bisa memastikan pengagihan zakat dilaksanakan pada tahun semasa.

Berikut ini adalah ringkasan dalam bentuk jadual tentang perbandingan pengurusan zakat di Kabupaten Bengkalis dan Selangor.

Jadual 4.1 Ringkasan Perbandingan Pengurusan Zakat di Kabupaten Bengkalis dan Selangor

No	Perbandingan	BAZDA Bengkalis	LZS Selangor
1.	Sistem dan Organisasi Pengurusan	a. Konsep birokrat. b. Organisasi besar. c. Sumber pembiayaan organisasi berasal daripada APBD Pemerintah. d. Manajemen tertutup	a. Konsep korporat. b. Organisasi kecil. c. Sumber pembiayaan organisasi berasal daripada hasil kutipan zakat. d. Manajemen terbuka.
2.	Usaha dan langkah naik taraf	a. Membentuk Unit Pengumpul Zakat disetiap instansi. b. Membentuk program berkinjangan.	a. Mengadakan aktiviti - aktiviti penting seperti ceramah, membuka kaunter kelompok, mengadakan temu janji, penghantaran maklumat zakat dan panggilan talipon oleh kakitangan JDP. b. Membuat program kerja strategi seperti mengadakan minggu perkhidmatan kaunter, mengadakan majelis khas, operasi fokus siaga, operasi fokus gaji, operasi masjid dan operasi turun padang. c. Mengadakan aktiviti promosi. d. Membuka kaunter-kaunter zakat, mengadakan ejen-ejen bank mahupun pos dan membuat talian talipon. e. Mengadakan pemantauan secara rutin perbulan
3	Cabaran-cabaran yang dihadapi	a. Tidak ada dukungan Pemerintah. b. Kurangnya kesadaran masyarakat. c. Terbatasnya dana zakat. d. Wujudnya kepentingan organisasi mahupun perorangan.	a. Minimnya kemahiran kakitangan. b. Jumlah kutipan yang tidak stabil setiap bulannya. c. Minimnya jumlah kos dalam pemantapan sistem teknologi.

V. Kesimpulan Kajian

Sebagai kesimpulan dalam kajian ini telah menerangkan tentang sejarah ditubuhkan dan bentuk pengurusan zakat di Badan Amil Zakat Bengkalis, sejarah penubuhan Badan Amil Zakat, sistem organisasi pengurusan, usaha dan langkah naik taraf dalam pengurusan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Badan Amil Zakat Bengkalis. Disamping itu juga dalam kajian ini menceritakan tentang sejarah ditubuhkan Lembaga Zakat Selangor, pengurusan zakat di Lembaga Zakat Selangor, sejarah ditubuhkan, sistem organisasi, usaha dan langkah naik taraf dalam pengurusan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Zakat Selangor dalam pengurusan zakat.

Rujukan

- [1] Asep Saepudin Jahar. 2010. *Masa Depan Filantropi Islam Indonesia Kajian Lembaga-Lembaga dan Wakaf*. Kalimantan Selatan: Annual Conference On Islamic Studies (ACIS).
- [2] Al-Maliki, Alawi Abbas & Al-Nuri, Hasan Sulaiman. 2011. *Ibanatu Al-Ahkam Syarhu Bulughu Al-Maram*. Jeddah: Dar Al-Haramain.
- [3] Kamaruddin Abdullah. 2005. *Model Pengurusan Zakat: Kajian Perbandingan di Nanggroe Aceh Darussalam dan Selangor Darul Ehsan*. Kajang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [4] Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2010. *Ahkam Wa Fatawa al-Zakah: Pelbagai Hukum dan Fatwa Zakat*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- [5] Pusat Zakat Selangor. 2004. PZS Cipta Sejarah Kegemilangan Institusi Zakat. *Majalah Asnaf*. Edisi Khas. 1
- [6] Lili Bariadi. 2005. *Zakat dan Wirausaha*. Jakarta: Pustaka Amri.
- [7] Temubual dengan En Isa Bin Wardi. 28 Mei 2007 jam 11 pagi.

- [8] Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Daerah. 2015. Kabupaten Bengkalis.
- [9] Pusat Zakat Selangor. 2004. PZS Cipta Sejarah Kegemilangan Institusi Zakat. *Majalah Asnaf*. Edisi Khas. 1
- [10] Pusat Zakat Selangor. 2003. *Laporan Tahunan Pusat Zakat Selangor*. Selangor: PZS.
- [11] Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor. 2002. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation SDN BHD.
- [12] Safwan Idris. 1997. *Gerakan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat*. Jakarta: PT. Citra Putra Bangsa.
- [13] Wawancara dengan Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa. 2006. *Lembaran Baru PZS*. *Majalah Asnaf*.